

IMPLIKASI PENCEROBOHAN NELAYAN ASING KEATAS SOSIO-EKONOMI KOMUNITI NELAYAN TEMPATAN DI PANTAI BARAT, SABAH

Astri M. Fadzli¹, Gusni Saat & Zulayti Zakaria

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sabah

Abstract

This article discusses the impact of the invasion of foreign fishermen on the survival of the fishing community, mainly small-scale fishermen on the west coast of Sabah. Based on data from previous studies, 30 fishermen were interviewed individually and in groups, and field observations were conducted to obtain empirical data for this study. The data were analysed using the thematic method. Data analysis revealed that the Pulau Mengalum coral reef cluster is a traditional fishing area of the local fishing community, rich in marine resources. Since the invasion of foreign fishing boats in the area, the socioeconomic security of the fishing community has been threatened. The deteriorating conditions have forced them to look for alternatives to meet the daily expenses of their ever-growing families. These include, first, re-functioning the boat from a fishing boat to a means of public transport at sea, especially in the district of Kota Kinabalu. Second, using a small fishing boat to catch fish on the coast instead of going to the coral reef area of the island. Third, taking a part-time job, such as in a handicraft business, to earn money to build a house or work in a city. Fourth, finding or exploring new coral reef areas that are spared from the activities of foreign fishing boats, such as the areas bordering the Philippines. They believe that foreign fishermen conspire with the locals to protect their activities, for example, by intimidating local fishermen and marketing the foreign fishermen's catch in the local market at lower prices. Their trawlers have been damaged or lost because they were hit by foreign fishing equipment. These foreign fishing boats are rugged for local authorities, such as the Maritime Enforcement Agency, to contain. This is partly due to the cunning of the foreign fishermen, although police reports have often been lodged.

Keywords: Foreign fishermen invasion; local fishing community; threats, survival

¹Penulis Koresponden: mfadzliastri@gmail.com

Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan implikasi pencerobohan nelayan asing ke atas kelangsungan hidup komuniti nelayan kecil di pantai barat Sabah. Berdasarkan data kajian lepas, seramai 30 orang nelayan telah ditemubual secara individu dan berkumpulan, disamping membuat pemerhatian lapangan bagi menjana data empirikal kajian. Data telah dianalisis menggunakan kaedah sistematik. Analisis data mendapati gugusan terumbu karang Pulau Mengalum merupakan kawasan tradisi penangkapan ikan komuniti nelayan tempatan yang kaya dengan sumber marin. Semenjak pencerobohan bot nelayan asing dalam kawasan tersebut, keselamatan sosio-ekonomi komuniti nelayannya semakin terancam. Pendapatan yang semakin merosot menyebabkan mereka terpaksa mencari alternatif lain bagi menampung kos harian keluarga yang semakin meningkat. Antaranya, pertama, mengubah fungsi perahu kepada pengangkutan air awam agar disamping sebagai perahu nelayan ia juga boleh menjadi pengangkutan awam laut terutama di daerah Kota Kinabalu. Kedua, hanya menggunakan perahu nelayan kecil bagi menangkap ikan di pesisir pantai bukan ke kawasan terumbu karang pulau Mengalum. Ketiga, mencari pekerjaan sampingan seperti bertukang, mengambil upah membina rumah atau bekerja di bandar. Keempat, mencari/meneroka kawasan terumbu karang baru yang terhindar dari kegiatan bot nelayan asing seperti kawasan yang bersempadan dengan Filipina. Mereka percaya nelayan asing bersekongkol dengan orang tempatan demi melindungi kegiatan mereka dengan cara seperti mengugut/menakut-nakutkan nelayan tempatan, memasarkan hasil tangkapan nelayan asing di pasaran tempatan dengan harga lebih murah. Pukat mereka rosak atau hilang akibat dilanggar peralatan menangkap ikan nelayan asing. Kegiatan bot nelayan asing ini sukar dibendung oleh pihak berkuasa tempatan seperti maritim, atas beberapa sebab seperti kelicikan para nelayan asing walaupun berkali-kali aduan telah dibuat.

Kata Kunci: Pencerobohan nelayan asing; komuniti nelayan tempatan; ancaman, kelangsungan hidup

PENDAHULUAN

Sabah merupakan wilayah Malaysia yang bersempadan dengan negara-negara jiran seperti Vietnam, Indonesia dan Filipina (Ian Storey, 2020; Hafiz, 2020). Justeru, kegiatan jenayah terancang rentas sempadan seperti penyeludupan barangan kepenggunaan, manusia dan barangan terlarang seperti dadah serta mencuri khazanah asli laut seperti ikan, merupakan gejala sosial yang berlaku di sempadan antarabangsa (Rafidah et al., 2019; Ramli et al., 2016; Norcikeyonn & Nor-Ina, 2014). Malahan ia terus berkembang seiring dengan perkembangan ekonomi global. Pencerobohan bot nelayan asing ke dalam zon perikanan Sabah yang kerap berlaku merupakan jenayah rentas sempadan yang terancang yang bukan sahaja merugikan Malaysia, malahan memberi impak yang negatif ke atas kelangsungan hidup komuniti nelayan (Astri, 2022; Ghazali et al., 2019)


Akibat pencerohon bot-bot nelayan asing Malaysia mengalami kerugian sebanyak enam *billion* Ringgit Malaysia setiap tahun (Ganesan & Mohd Yazid, 2021; BA Hamzah et al., 2020 (181) . Mereka mengeksploitasi sumber laut pelbagai spesis seperti sotong, udang, ikan yu dan penyu menggunakan peralatan terlarang seperti pukat tunda ganding, yang menyebabkan kerosakan terumbu karang (Wen et al., 2020). Selain itu, Malaysia juga kerugian dalam bentuk kerosakan terumbu karang yang menjadi habitat dan sumber makanan dan tempat penetasan pelbagai spesis hidupan marin (Syaimak Ismail et al., 2021) Ia menyebabkan kepupusan sumber marin yang menjadi sumber tangkapan komuniti nelayan tempatan.

Berdasarkan data kajian yang telah dijalankan, kertas kerja ini membincangkan bagaimana kegiatan bot-bot nelayan asing yang menceroboh kawasan perikanan Malaysia, Sabah telah memberi dampak negatif ke atas kelangsungan hidup komuniti nelayan tempatan di bahagian pantai barat negeri tersebut berdasarkan pengalaman mereka.

METOD

Dari segi pendekatan, kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif untuk menjalankan penyelidikan. Kawasan kajian adalah ditunjukkan dalam Peta 1; iaitu kawasan perairan pantai barat Sabah di bawah.

Peta 1 Kawasan Perairan Pantai Barat Sabah



Sumber : Astri M Fadzli (2022)

Kajian ini memilih sekitar perairan di Pantai Barat Sabah kerana peningkatan pencerobohan nelayan asing dari Vietnam di kawasan tersebut iaitu daripada 8 buah vesel pada 2016 kepada 18 buah pada 2021 (APMM 2016-2019). Oleh itu, tujuan kertas kerja ini adalah untuk membincangkan bagaimana kegiatan vesel-vesel asing yang menceroboh kawasan perikanan di pantai barat Sabah telah memberi kesan negatif ke atas kelangsungan hidup komuniti nelayan kawasan tersebut. Kawasan yang terangkum dalam perbincangan ini adalah perairan pantai barat Sabah kerana dalam lokasi tersebut terletak kawasan-kawasan terumbu karang tradisional tempat komuniti nelayan pantai barat menangkap ikan.

Disamping kaedah pemerhatian, data empirikal telah diperolehi menerusi temubual mendalam dengan 30 orang nelayan tempatan yang terdiri dari 10 orang nelayan laut dalam dan 20 orang nelayan pesisir pantai. “laut dalam” dalam kertas kerja ini bermaksud kawasan terumbu karang yang jauh ke tengah laut sedangkan “pesisir pantai” merujuk kepada kawasan lubuk ikan tradisional sama ada laut berpasir atau kawasan batu karang yang berhampiran dengan pantai atau darat.

Informan kajian ini adalah nelayan yang menetap dalam beberapa buah komuniti iaitu Kampung Gentisan, perkampungan Pulau Gaya, dan Kampung Lokub dalam daerah Kota Kinabalu dan Kampung Pasir Putih dalam daerah Putatan. Satu kumpulan temubual berfokus iaitu nelayan tempatan pesisir pantai terdiri daripada empat orang wakil daripada Pasir Putih, Putatan turut ditemubual.

Fasa pertama pemerhatian dalam kajian ini adalah pada 28 Februari 2021 bersama nelayan laut dalam di jeti pendaratan Ikan Kota Kinabalu. Fasa kedua pemerhatian pula telah dijalankan pada 28 Ogos 2021 di Kampung Pasir Putih Putatan. Selain itu, rujukan data sekunder utama adalah artikel-artikel berikut: *Estimating the Worldwide*

Extent of Illegal Fishing (Agnew & Pearce et al., 2009), *Boosting National Mechanism to Combat IUU Fishing* (Abdul Razak et al., 2016), *Policy Department for Structural and Cohesion Policies Directorate-General for Internal Policies* (European Union, 2016) dan Laporan Jabatan Perikanan Sabah (2020).

DAPATAN, ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Pendapatan terjejas

Kajian ini menunjukkan kesan daripada pencerobohan nelayan asing antaranya adalah hasil penangkapan dan pendapatan nelayan tempatan terjejas. Informan yang ditemubual iaitu Encik Ghadafi (bukan nama sebenar) berumur 39 tahun pada 1 Ogos

2021, telah menjalankan aktiviti perikanan selama 12 tahun, menyatakan bahawa nelayan asing telah memberi kesan kepada jumlah tangkapan mereka di pesisir pantai. Berdasarkan petikan dibawah, pada awal tahun 2000an, nelayan masih boleh mendapatkan hasil tangkapan pelbagai jenis ikan seperti ikan putih, ikan merah dan ikan kerapu bernilai RM300 sehari. Namun, bermula tahun 2017, mereka hanya boleh memperolehi tangkapan anggaran RM70 sehingga RM90 sahaja untuk sehari. Pengurangan ketara sehingga 60 peratus bagi tempoh tersebut. Beliau menyatakan bahawa adalah sukar untuk bergantung hanya kepada pendapatan sebagai nelayan sahaja, kerana nelayan asing turut bersaing sumber perikanan menyebabkan tangkapan dan pendapatan mereka merosot. Menurutnya, pendapatan mereka juga tidak dapat menampung kos sara hidup yang semakin tinggi.

“...sangat memberi kesan, dalam awal tahun 2000 an masih banyak lagi ikan boleh ditangkap disini (Pesisir Pantai Barat Sabah) sekarang ada susah sikitlah mahudapat ikan dalam 70 ringgit begitu, jadi kalau bergantung sama memukat saja mimang tidak boleh...”

(R1; Encik Ghadafi;39 tahun; 1 Ogos 2021)

Selanjutnya, Encik Murad (bukan nama sebenar) merupakan penduduk Kampung Gentisan yang aktif menjalankan aktiviti perikanan selama lebih kurang 20 tahun, menyokong kenyataan Encik Ghadafi. Beliau menyatakan pada asalnya majoriti nelayan tempatan akan menjalankan aktiviti perikanan berdekatan Pulau Mengalum dan boleh mendapatkan sebanyak 3 tong untuk 3 hari, tetapi kehadiran nelayan asing menyebabkan hasil tangkapan berkurang. Rentetan itu, mereka berpindah ke lokasi penangkapan ikan yang lain. Berikut merupakan perkongsian pengalaman dan pemerhatian beliau.

“...ketaralah kita (nelayan tempatan) dulu hampir semua di mengalum keseluruhannya, kita tidak pergi tempat lain, situpun dalam masa 3 hari penuh sudah 3 peti...tapi sekarang kita pergi pulau mengalum bukan macam dulu tau.”

(R2; Encik Murad, 59 tahun; 29 September 2021)

“..mengalum ini sekarang dia terlalu...ramai sudah orang..bermacam-macam nelayan daripada tempat lain datang yang tidak tahu samada status di ...kerana tiada pilihan terpaksa kami pergi jauh dari mengalum, jarang datang pergi mengalum... sebab kalau di mengalum memang kurang sudah...terus terang kurang ikan pasal ramai (nelayan asing) sudah datang”

(R2; Encik Murad, 59 tahun; 29 September 2021)

Perkara yang sama juga telah dinyatakan Encik Azizul yang menjalankan aktiviti perikanan sejak tahun 1997. Beliau menyatakan menurunnya hasil tangkapan ikan mula dirasai bermula tahun 2016, memberikan contoh lokasi yang sama dengan Encik Murad, beliau menyatakan Pulau Mengalum yang sebelumnya mempunyai hasil perikanan yang memberangsangkan, kini terjejas selepas kehadiran nelayan asing daripada Vietnam. Nelayan tempatan yang dahulunya (sebelum 2016) boleh mendapat hasil sehingga tiga tan kini hanya mampu memperolehi sekitar 500 kilogram dalam masa 3 ke 4 hari. Menurut beliau lagi, biasanya jika nelayan asing sudah mula menjalankan aktiviti perikanan di kawasan tersebut, ia mengambil masa sehingga 6 bulan untuk habitat ikan pulih bagi boleh menjalankan aktiviti perikanan semula kerana lokasi tersebut telah diteroka oleh nelayan asing. Berikut merupakan pernyataan beliau:

“...iya ada bermula daripada tahun 2016, 2017, 2018. Contohnya kawasan Pulau Mengalum adalah tempat pembiakan ikan paling efektif...tetapi apabila terdapat... kelihatan bot-bot nelayan Vietnam di kawasan ikan semakin kurang, dari dapat ikan merah sekarang tidak dapat langsung...katakan hasil dalam tiga tan sekarang hanya dapat dalam 500 kilo ke bawah...jadi bila kawasan tu sudah usik dia mengambil tempoh dalam masa enam bulan untuk pulih balik.”

(R4; Encik Azizul; 50 Tahun; 23 Ogos 2021)

Berkurangnya hasil tangkapan dalam kalangan nelayan tempatan juga disebabkan teknologi penangkapan ikan yang di gunakan oleh vesel nelayan asing bersifat destruktif. Di samping teknologi tersebut terumbu karang, ia juga dan habitat ikan yang belum matang. Ini mernjejaskan proses pembiakan semulajadi spesies ikan di kawasan tersebut. Berikut adalah perkongsian Encik Shamsul yang ditemubual pada 28hb Ogos 2021.

“...pukat tunda dorang (nelayan asing) datang sini juga tu, selalu malam sebab tidak nampak tu... jadi ambil masa lagi tunggu ikan membesar sebab kalau pukat dorang tu satu kali memukat habis semua ikan tu, sebab telampau besar, tidak kira, semua dorang sapu....hasil kami berkurang.”

(R5; Encik Samsul; 27 tahun; 28hb Ogos 2021)

Hasil tangkapan dan pendapatan yang terjejas turut menjejaskan kapasiti dan kemampuan para nelayan membeli keperluan asas dan pendidikan anak-anak. Informan yang ditemubual pada 20hb September 2021 iaitu Encik Yus yang telah menjalankan aktiviti perikanan selama 13 tahun di Pasir Putih Putatan menyatakan untuk meneruskan kelangsungan hidup, mereka bergantung dengan hasil tangkapan ikan. Perkongsian beliau:

“...ya begitu sajalah, kan dapat sikit saja ikan, nelayan asing pun bersaing juga sama kami, dapat sikit-sikit, beli barang keperluan sikit, nanti habis, lepas tu esokturun lagi, jadi begitu sejalah kitaran hidup kamisini...”

(R6; Encik Yus; 39 tahun; 20hb September 2021)

Kategori nelayan tempatan laut dalam lazimnya menjalankan kegiatan perikanan di laut dalam melebihi 15 batu nautika daripada pesisir pantai, biasanya mereka menjalankan aktiviti perikanan yang sudah berada di garisan sempadan antara Malaysia dan Vietnam seperti di Terumbu Layang-Layang. Dapatan dalam artikel ini juga memperlihatkan bahawa nelayan tempatan turut menerima dampak daripada aktiviti pencerobohan nelayan asing. Menurut nelayan tempatan laut dalam yang ditemubual iaitu Chee Hoo Weing yang sudah mempunyai pengalaman 25 tahun mengoperasikan kapal perikanan laut dalam, sekitar tahun 2005 beliau turun kelaut hanya untuk 4 ke 5 hari sahaja. Namun, sejak 3 tahun kebelakangan bermula 2019, nelayan tempatan laut dalam harus menambah masa berada di laut kepada 7 ke 8 hari. Hal ini disebabkan oleh kesukaran untuk mendapatkan hasil maksima.

“Boleh lah tapi sekarang boleh tapi lain kali tidak tau. Dulu pigi laut 5 hari sekarang tidak boleh mesti tambah 2 hari jadi 7 hari. Kasi modal kasi tolak itu minyak ka apakah. Dulu 5 hari balik tapi sekarang tidak boleh oh kadang-kadang 8 hari kadang-kadang ada 10 hari paling lama.”

(R7; Chee Ho Weing; 58 tahun; 14 Ogos 2021)

Apabila penyelidik bertanya berkenaan tempoh aktiviti perikanan semakin bertambah, beliau menjawab salah satu faktornya adalah disebabkan oleh kehadiran nelayan asing di laut dalam yang turut menjalankan aktiviti perikanan.

“...1 sebabnya ah, itu nelayan asinglah ada juga sana memukat.”

(R7; Chee Ho Weing; 58 tahun; 14 Ogos 2021)

Menurut Encik Murat, kaedah tangkapan yang digunakan nelayan asing memberi dampak kepada khazanah laut untuk jangka masa panjang. Mereka menggunakan pukut timbul rantau mengeksploitasi hidupan laut yang dilindungi seperti ikan yu dan penyu. Berikut adalah perkongsian beliau:

“...pernah tak nampak pukut timbul rantau?... itulah jenis pukut yang dorang pakai jenis rantau yang pukut ambil tuna...ini dorang pasang panjang, saya agak 100 gulung pun nda masuk akal, tapi mulai dia pasang sini sehingga kapal tu tidak nampak begitu besar, jadi fikirkanlah berapa gulung pukut dia, orang kita tidak mampu buat begitu semua, dia pusing-pusing sebab dia tahu di sana tu kita ada takat (tempat air surut) , sebab itulah apabila dia tarik itu pukut kami nampaklah ikan yu yang di larang...penyu”

(R2; Encik Murad, 59 tahun; 29 September 2021)

Untuk mengimbangi kos logistik menangkap ikan yang mencecah sehingga RM 6,000 sekali perjalanan, Encik Majie 56 tahun memberi informasi bahawa jangkamasa berada di laut dalam selama 10 hari merupakan salah satu strategi memastikan hasil tangkapan melebihi kos tersebut. Menurutnya:

“...kena juga dalam 10 hari di laut, sebabnya lama sikit baru boleh dapat ikan sesuai dengan kos kita...sebab ada juga nelayan asing bah menangkap ikan...”

(R10; Encik Majie; 56 Tahun; 29 Ogos 2021)

Persaingan harga hasil tangkapan

Nelayan asing juga di dapati bertindak memasarkan hasil perikanan mereka di Kota Kinabalu. Aktiviti ini memberi impak mewujudkan persaingan dari segi harga kepada nelayan tempatan di Pantai Barat Sabah. Oleh kerana hasil tangkapan nelayan asing ini dalam jumlah yang banyak, mereka mampu menjual dengan harga yang murah. “...memang ada di sini dekat jeti ni juga mereka juga jual.... dorang punya hasil tangkapan, tapi kami tidak tahulah pulak di bahagian mana, itulah masalahnya pemborong minta harga sebab kan... Vietnam punya tangkapan banyak jadi murahlah mereka jual, kami kalau ikut dorang minyak pun tidak lepas.”

(R11; Encik Jamal; 65 tahun; 29 Ogos 2021)

Menurut nelayan tempatan laut dalam di perairan Pantai Barat Sabah, keadaan tersebut menyukarkan mereka kerana nelayan asing mempunyai kapasiti vesel yang cukup besar untuk memuatkan dan menangkap ikan yang banyak. Mereka mampu menjual ikan pada kadar harga yang lebih murah. Hal ini memberi kesan kerana nelayan tempatan terutama nelayan pesisir pantai hanya menggunakan bot semasa menangkap ikan. Dengan jumlah tangkapan yang terhad, mereka tidak mampu menjual pada kadar harga yang sama seperti nelayan asing. Ini kerana harga rendah hasil tangkapan ikan tidak memadai menampung modal serta kos turun ke laut. Namun, dilema mereka ialah jika mengekalkan harga yang agak tinggi, mereka mengalami kesukaran untuk menjual hasil tangkapan.

“...ada juga Vietnam pergi jual sini (di Pasar Kota Kinabalu) , tidak tau kenapa boleh masuk sini, ini ada kaitan sama politik, sebab saya dengar ada link dorang sini, orang besar juga jadi itu yang susah di halang tu, susah mau berhenti operasi dorang...”

(R12; Encik Azmin; 31 tahun; 19 Jun 2021)

Peningkatan kos operasi

Dapatan kajian ini juga menunjukkan pencerobohan vesel nelayan asing juga turut memberi implikasi dari segi peningkatan kos operasi nelayan tempatan, khususnya nelayan pesisir pantai. Mengikut amalan biasa, nelayan tempatan akan meninggalkan pukot di lokasi penangkapan ikan sepanjang hari untuk memperolehi hasil maksima. Namun, kerap kali berlaku kapal vesel nelayan asing yang besar akan mengheret pukot nelayan tempatan pada waktu malam sehingga merosakkannya. Rentetan itu, nelayan tempatan tidak dapat turun kelaut selama beberapa hari kerana mereka perlu menghasilkan pukot baru. Hasil temubual pada 6hb Oktober 2021 bersama Encik Tajuddin, berumur 58 tahun menegaskan walaupun laporan dibuat, penguatkuasa sukar untuk mengambil tindakan kerana operasi nelayan asing tidak terfokus kepada hanya satu lokasi untuk mengelakkan mereka ditangkap;

“ Ada juga kami buat aduan berkenaan dengan pukot tunda Vietnam ni, kalau malam dia main langgar jak pukot nelayan kecil ni sampai rosak, koyak, biasa tidak terganti la sebab susah juga penguatkuasa mau cari dorang...”

(R13; En. Tajuddin; 58 tahun; 6 Oktober 2021)

Implikasi sosial: Pekerjaan alternatif untuk meneruskan kelangsungan hidup

Disebabkan persaingan yang dihadapi nelayan tempatan akibat pencerobohan vesel nelayan asing yang berterusan, nelayan tempatan di perairan Pantai Barat Sabah telah mengubah strategi kelangsungan hidup mereka. Untuk menambah pendapatan, nelayan tempatan tidak hanya bergantung semata-mata kepada pekerjaan sebagai nelayan tetapi mereka juga membuat kerja sampingan contohnya mengambil upah bertukang dan membuat rumah.

Terdapat juga nelayan yang mencari pekerjaan di bandar Kota Kinabalu sebagai buruh binaan. Salah seorang nelayan laut dalam yang ditemubual iaitu Encik Yusri, berumur 39 tahun yang menjalankan aktiviti perikanan laut dalam selama 13 tahun, menyatakan beliau membuat pekerjaan sampingan sebagai pemandu *E-hailing* di Kota Kinabalu. Ini merupakan salah satu strategi untuk menambah pendapatan sampingan, kerana jika hanya bergantung dengan pendapatan menangkap ikan, ia tidak tidak mencukupi. Menurut beliau:

“... sekarang tidak sudahlah bergantung sama memukat saja, sebab kalau bergantung sama ini (perikanan) saja tidak cukup sekarang saya pun buat juga kerja di darat... bukan macam dulu pendapatan menangkap ikan ni...”

(R14; Encik Yusri; 39 tahun; 28hb Ogos 2021)

Data temubual mendalam menunjukkan terdapat nelayan tempatan laut dalam bertindak menukar penggunaan vesel yang lebih besar kepada hanya bot kecil untuk menjimatkan kos dan penangkapan ikan hanya tertumpu di pesisir pantai sahaja. Mereka menggunakan strategi untuk mengekalkan dan bertahan dalam industri perikanan sebagai punca pendapatan utama. Hal ini berlaku kerana nelayan tempatan sudah tidak mampu mengoperasikan vesel yang besar dengan sumber laut yang tidak menguntungkan. Berikut pernyataan informan Encik Ramlan yang ditemubual pada 20 disember 2020.

“...dulu saya pakai kapal besar pergi juga laut dalam untuk cari ikan, sekarang saya tidak mampu bah untuk pergi sebab susah mau dapat ikan, kos minyak sama pekerja lagi mahal, ikan di jauh (laut dalam) dan dekat sini pun ada susah sikit mahu dapat...”

(R15; Encik Alex,;47 tahun; 14 Disember 2020)

Terdapat juga nelayan tempatan yang ditemubual yang menukar fungsi bot nelayan mereka kepada pengangkutan awam; khususnya nelayan yang menetap di Pulau Gaya. Ini untuk menambah pendapatan mereka sebagai nelayan. Nelayan yang ditemubual ini menegaskan persaingan dengan vesel nelayan asing di perairan Pantai

Barat Sabah untuk menangkap ikan sememangnya menjejaskan hasil tangkapan ikan dan pendapatan yang diperolehi hasil jualan ikan. Berikut ialah perkongsian Encik Abdullah Yasri salah seorang nelayan yang ditemubual berkaitan hal tersebut.

“... dulu saya *full time* juga tapi *start* tahun 2018 kalau ada masa *free* saya pigilah ambil penumpang di jeti sana (berdekatan Pasar Filipina) pergi Pulau Gaya sama dekat-dekat situlah...kalau keperluan tidak cukuplah kalau memukat.”

(R16; Encik Abdullah Yasri; 41 tahun; 20 Ogos 2021)

Hal ini dibuktikan dengan temubual di lakukan oleh pengkaji pada 17hb November 2020 bersama dengan Encik Azhrul yang asalnya merupakan nelayan tempatan mengusahakan ikan secara komersial menggunakan pukut tunda yang boleh kini bertukar kepada bot kecil sahaja kerana menurut beliau pada sekitar tahun 2010 tangkapan seminggu boleh mencecah sehingga 100 tan sebulan dan berharga kira kira 10 ribu ringgit boleh didapati dalam tempoh tertentu. Tetapi pada masa kini, nelayan hanya boleh memperolehi sehingga 2 ribu ringgit malaysia untuk hampir dua minggu kelaut dengan kapasiti bot nelayan yang terhad. Manakala, 2 ribu bukanlah pendapatan bersih, dan pendapatan tersebut merupakan pendapatan yang perlu di agihkan kepada 3 sehingga 5 orang kru yang lain, jumlah di dapati sekitar 200 sehingga 300 ringgit seorang untuk sekali turun ke laut. Pendapatan tersebut juga belum di bundarkan kepada kos modal minyak untuk turun ke laut dan sebagainya.

Terdapat segelintir nelayan yang ditemui tidak lagi turun ke laut dalam disebabkan modal dan kos tinggi yang dilaburkan untuk turun ke laut dalam tidak setimpal dengan hasil tangkapan. Seperti yang dijelaskan sebelum ini, hasil tangkapan yang semakin berkurangan ini disebabkan persaingan dengan nelayan asing dari Vietnam yang mampu menggunakan teknologi penangkapan ikan yang lebih canggih, mampu berada di laut dalam jangkamasa berbulan-bulan tanpa di kesan pihak penguatkuasa. Justeru, segelintir nelayan telah menukar pekerjaan menjadi peraih ikan iaitu menjual hasil perikanan seperti ikan, udang, sotong, rumpai laut di pasar basah Kota Kinabalu, di kampung-kampung Pulau Gaya, Kampung Gentisan dan kampung-kampung di Penampang. Beberapa nelayan yang ditemubual menyatakan adalah lebih mudah untuk mengambil bekalan daripada nelayan lain yang turun kelaut dengan memborong hasil tangkapan tersebut.

Implikasi keselamatan

Menurut Encik Arman (bukan nama sebenar), berumur 60 tahun yang menjalankan aktiviti perikanan laut dalam iaitu sekitar 90 batu nautika daripada pesisir laut Pantai Barat Sabah, implikasi keselamatan ini sangat signifikan kepada nelayan tempatan. Beliau berkongsi kejadian yang menimpa abangnya sendiri ketika membuat laporan tentang kehadiran nelayan asing. Bot abang informan tersebut telah dibocorkan dan

peralatan menangkap ikan dirosakkan dan dibuang. Bukan itu sahaja, beliau juga di serang oleh orang yang tidak dikenali di kediaman abang beliau. Keluarga informan tersebut percaya bahawa perlakuan jenayah tersebut dilakukan oleh nelayan asing. Ini kerana jenayah tersebut berlaku selepas abangnya melaporkan kegiatan vesel nelayan asing di lokasi penangkapan ikan. Perkara tersebut berlaku beberapa kali kepada keluarga abangnya. Berikut perkongsian pengalaman Encik Arman;

“...takut buat laporan, kerana dalam kelompok maritim tidak boleh semua sama yakin sama dorang pasti ada...kenapa boleh bocor bot abang saya ini...kalau satu kali masuk otak kita...ini 5 kali dirumah kena rompak kena rampas enjin dia, curi di rumah kalau tidak silap abang saya ada 1 kali di laut... dirumah kali 3 kali enjin dia kena ambil...”

(R17; Encik Arman; 60 Tahun; 29hb Oktober 2021)

Salah satu strategi yang di kongsiikan nelayan tempatan untuk memperolehi hasil tangkapan yang banyak ialah menjalankan aktiviti perikanan berdekatan sempadan perairan negara Filipina. Alasan yang diberi ialah lebih mudah memperolehi ikan di kawasan tersebut kerana mereka hanya perlu berada di laut dalam dalam jangkamasa 5 hari 4 malam dan mendapat hasil tangkapan yang memuaskan. Dalam jangkamasa tersebut mereka boleh memperolehi anggaran 100kg yang terdiri dari pelbagai jenis spesis ikan. Ekoran daripada eskploitasi perikanan oleh nelayan asing di perairan Sabah, nelayan tempatan menggunakan kaedah yang sama iaitu menjalankan aktiviti perikanan di perairan Filipina. Petikan temubual berikut ialah perkongsian informan yang ditemubual iaitu Encik Norman (bukan nama sebenar). Menurutnya strategi tersebut dilakukan untuk strategi survival nelayan tempatan dalam memenuhi keperluan hidup. Menurutnya lagi:

“...ini kita-kita seja yang tahu, lepas ni kami pergi naik Filipina lagi, di sempadan ada satu tempat belum lagi orang ramai tahu...”

(R18; Encik Norman; 41 tahun; 21hb Ogos 2021)

Peserta seterusnya yang ditemubual berkaitan isu yang sama ialah Encik Raisul. Beliau menegaskan lokasi di sempadan Filipina di mana mereka sering menangkap ikan tidak dipantau penguatkuasa maritim Filipina. Menurutnya lagi:

“...jadi apa-apa pun nak, pertanyaan tadi tu, apa perbezaan dia...kami terpaksa meredah ke jauh, lebih jauh lagi baru dapat hasil yang sama atau lebih daripada itu... perbelanjaan bertambah.. hari bertambah.”

(R19; Encik Raisul; 44 tahun; 21 Ogos 2021)

Keadaan ini jelas memperlihatkan nelayan tempatan harus berhadapan dengan risiko keselamatan untuk menjamin kelangsungan hidup dengan pendapatan sebagai nelayan.

Implikasi Psikologi

Implikasi pencerobohan nelayan asing terhadap nelayan tempatan juga dapat dilihat daripada sudut psikologi. Kehadiran nelayan asing yang berterusan menyebabkan nelayan tempatan mempunyai persepsi perairan Pantai Barat Sabah tidak selamat untuk menjalankan aktiviti perikanan. Mereka risau dan gusar keselamatan dan nyawa mereka terancam semasa menjalankan aktiviti perikanan. Ini berdasarkan temubual bersama Encik Fauzi, 41 tahun merupakan nelayan tempatan pesisir pantai yang menyatakan nelayan tempatan masih trauma sehingga sekarang untuk memberanikan diri ke luar daripada zon selesa menjalankan aktiviti perikanan. Berikut adalah luahan kerisauan beliau.

“...lagipun dorang ini (nelayan) sebenarnya trauma dengan rombongan-rompakan dulu masih di otak dorang, rombongan rombongan semasa dulu yang lanun lanun tu... sampailah sekarang ni dorang masih ada lagi trauma.”

(R20; Encik Fauzi; 41 tahun; 27 October 2021)

Akibat kerisauan mengenai keselamatan, tidak ramai nelayan tempatan yang menjalankan aktiviti perikanan laut dalam yang dianggap boleh menghasilkan pendapatan lumayan. Justeru kehadiran nelayan tempatan disekitar Pulau Mengalum semakin berkurangan. Berikut merupakan contoh kebimbangan dalam kalangan nelayan tempatan.

“...tapi walaubagaimanapun, kita tidak tahu musuh kita siapa, di laut ini kau satu buah saja kemudian kalau duduk di bot kalau diancam kau bot tenggelam...”

(R21; Encik Fauzi; 41 tahun; 27 October 2021)

“...cuma kalau dorang tahu yang kita ini buat laporan, dia ada mata-mata...pacik sekarang sedihlah kalau jalan pergi Mengalum (Pulau) pergi tempat- tempat jauh, 1-1 buah tiada orang kita sana”

(R22; Encik Mahmud; 60 tahun; 22 December 2020)

Kebimbangan para nelayan ialah berkaitan ancaman bahaya seperti bot di tenggelamkan. Hal yang sama juga turut di rasakan oleh Encik Mahuni, 53 tahun menyatakan bahawa beliau lebih merasa selamat berada di perairan berdekatan pantai

kerana risau akan keselamatannya di laut dalam. Ancaman nelayan asing boleh sahaja berlaku bila-bila masa kerana nelayan asing memiliki kru yang ramai dan vesel yang lebih besar. Beliau menyatakan juga, selain risau dengan keselamatannya, beliau juga takut sekiranya pukut rosak di tarik secara sengaja atau tidak sengaja oleh nelayan asing yang menyebabkan beliau perlu mengeluarkan kos lagi untuk membeli pukut yang baru. Tambahnya lagi:

“...ndapala di pesisir saja pun okay juga memukat sebab kalau pergi sana kita tahu selamat ka tidak, tiada pendedahan pasal laut dalam, lagi kawan sendiri cakap sana banyak orang asing kita tidak tahu apa jadi sama keselamatan, kalau pukut rosak mahu beli lagi baru, tidak payalah...”

(R23; Encik Mahuni; 53 tahun; 20 Jun 2021)

Ternyata impak psikologi yang jelas berdasarkan temubual dengan informan nelayan ialah rasa ketakutan, kebimbangan atau kerisauan berterusan terhadap ancaman keselamatan dari pihak nelayan asing. Perspektif sedemikian mempengaruhi tindakan mereka untuk tidak mengambil risiko menangkap ikan di laut dalam dan di lokasi yang mereka anggap menjadi tumpuan nelayan asing beroperasi. Berikut merupakan penegasan Encik Daniel berkaitan hal ini:

“...yalah sumber di laut dalam ini lah yang banyak tetapi nelayan kita tidak mahu pergi sana sebabnya inilah nelayan asing, tapi mereka mahu juga bertahan di pesisir walhal di pesisir tidak membuahkan hasil yang lumayan, makin susahlah...”

(R24; Encik Daniel; 29 tahun; 30 Jun 2021)

Selain daripada itu, kesan psikologi akibat daripada pencerobohan ini juga menyebabkan nelayan tempatan mempunyai anggapan bahawa pencerobohan vesel nelayan asing ini sukar untuk dihentikan. Meskipun beberapa kali telah membuat laporan, tidak berlaku perubahan darisegi pengurangan jumlah vesel nelayan asing yang wujud di perairan ini. Mereka beranggapan bahawa, pada masa akan datang sekiranya perkara ini berlarutan untuk jangka masa panjang nelayan tempatan tidak mampu bertahan dalam industri perikanan. Berikut perkongsian informan Encik Abdullah.

“...apa bila dia *detect* no kita bilang kita yang buat laporan kena jaga di laut ini masalah, biasanya beginilah yang kami takut ni buat laporan termasuk sayalah pacik hanya bersuara kepada orang yang kita yakini, polis ini pun kita tidak boleh yakin *hundred* per sen, marin sini pun tidak boleh, sebab kami sudah kena..”

(R25; Encik Abdullah; 31 tahun; 8hb Ogos 2021)

Selain daripada itu, situasi ini juga mewujudkan ketidakpercayaan terhadap penguatkuasa maritim untuk melaksanakan tugas bagi melindungi nelayan tempatan di pesisir pantai. Komunikasi antara nelayan tempatan dan penguatkuasa maritim terjejas kerana persepsi sedemikian.

“ jelas sekali , sebab diorang 1 kali tangkap ikan mengikut cerita ..daripada orang-orang yang tahu tentang diorang ni, kita tidak tahu macam mana diorang tahu tapi dorang tahu diorang *passing* ikan bagus ni pergi negara China sebab ada kapal 1 di laut yang tukang jual , tapi yang tidak baik dorang hantar sini pergi Kota Kinabalu... bertan-tanlah tapi lumayanlah...”

(R26; Encik Jamal; 46 tahun; 28 Ogos 2021)

KESIMPULAN

Gugusan terumbu karang Pulau Mengalun merupakan kawasan tradisi penangkapan ikan laut dalam yang menjadi tumpuan komuniti nelayan tempatan kerana ia kaya dengan pelbagai spesies hidupan marin. Dalam kawasan tersebut terdapat banyak terumbu karang yang masing-masing dengan nama tersendiri. Setelah kawasan penangkapan ikan tradisional komuniti nelayan di Pulau Mengalun telah mengalami peningkatan kekerapan pencerobohan vesel nelayan asing, keselamatan fizikal dan ekonomi mereka sudah terancam. Akibat pendapatan yang semakin merosot dan tidak lagi dapat menampung kos operasi bot dan menampung sara hidup ahli keluarga, maka mereka terpaksa mencari alternatif lain.

Beberapa strategi kelangsungan hidup keluarga telah mereka gunakan seperti mengubah fungsi perahu dari nelayan kepada pengangkutan air awam agar disamping sebagai perahu nelayan ia juga boleh menjadi pengangkutan awam laut terutama di daerah Kota Kinabalu. Ada juga nelayan yang memilih hanya menggunakan perahu kecil bagi menangkap ikan di kawasan pesisir pantai supaya kos operasi nelayan dapat dikurangkan dan pendapatan dapat ditingkatkan.

Selain dari dua strategi kelangsungan hidup di atas, ada juga antara mereka yang mencari pekerjaan sampingan seperti bertukang mengambil upah membina rumah di kampung atau bekerja di bandar. Tidak kurang juga ada antara mereka yang berikhtiar mencari dan meneroka kawasan terumbu karang baru yang terhindar dari kegiatan bot nelayan asing seperti di perairan Kota Belud dan Kudat yang bersempadan dengan Selatan Filipina.

Kegiatan bot nelayan asing ini sukar dibendung oleh pihak berkuasa tempatan seperti maritim, atas beberapa sebab seperti kelicikan para nelayan asing walaupun berkali-kali anduan telah dibuat. Dalam hal ini, komuniti nelayan yang terjejas oleh

pencerobohan vesel nelayan asing percaya bahawa nelayan asing tidak berani menceroboh zon perikanan Sabah tanpa adanya dalang dalam negeri. Mereka berpendapat para vesel nelayan asing adalah bersekongkol dengan orang tempatan demi melindungi kegiatan mereka dengan pelbagai cara seperti mengugut/menakutkan nelayan tempatan, memasarkan hasil tangkapan nelayan asing di pasaran tempatan dengan harga lebih murah atau menggunakan lesen bot nelayan warga negara Malaysia atau warga asing beroperasi menggunakan bot nelayan komersil tempatan.



RUJUKAN

- Abdul razak Lantun, Mazalina Ali, Mohd tamimi Ali Ahmad & Masaya Katoh. *Boosting national mechanisms to combat IUU Fishing: Dynamism of the Southeast Asian fisheries sector*. Southeast Asian Fisheries Development Center.
- Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM). (2018). *Laporan Tahunan 2018. Penguatkuasaan Undang-Undang Maritim*. Bahagian Siasatan Jenayah Maritim.
- Agnew, D. J., Pearce, J., Pramod, G., Peatman, T., Watson, R., Beddington, J.R., & Pitcher, T.J. (2009.) *Estimating the Worldwide Extent of Illegal Fishing*. PLoS ONE 4(2): e4570. Doi:10.1371/journal.pone.0004570. <http://journals.plos.org/plosone/article?id=10.1371/journal.pone.0004570> (di akses pada 19 disember 2021).
- Astri M Fadzli. (2022). *Tesis Sarjana Faktor dan Implikasi Pencerobohan Vesel Nelayan Asing*. Universiti Malaysia Sabah.
- BA Hamzah, Adam Leong, & Vivian Loius Forbes. (2020). *Malaysia And South China Sea: Policy, Strategy And Risks*. Perpustakaan Negara Malaysia.
- Farahdilah Ghazali, Wan Izatul Talaat, Ashraf Rahman & Hazmi Rusli. (2019). Malaysian Efforts in Combating IUU Fishing: A Legal and Policy Review. *Journal of East Asia and International Law*, 12. 387-400. 10.14330/jeail.2019.12.2.09.
- Ganesan Yetiah & Mohd Yazid Zul Kepli. (2022). Anti-Money Laundering Law as an added measure to combat illegal, unreported and unregulated fishing in Malaysia. *MIMA Bulletin*, 2,1-9.
- Ian, Sotrey. (20 March 2020.) *Malaysia and the South China Sea Dispute: Policy Continuity amid Domestic Political Change*. Yusof Ishak Institute. Issue: 2020 No.18 ISSN 2335-6677.
- Muhammad Hafiz Mansor.(2020). *Cabaran Kedaulatan Di Perairan Negara. Kluster Antarabangsa Dan Keselamatan*. TSIS. Kluster Antarabangsa Dan Keselamatan. Perspektif. 1-2.
- Norcikeyonn Samuni & Nor-Ina Kanyo. (2014). *Isu Jenayah Pemerdagangan Orang Di Zon Maritim Sabah. Cabaran agensi Penguatkuasaan: Satu Penelitian*. Proceeding of the 1st Internasional Maritime Conference 2014, October 21-22, 2014.
- Rafidah Dahari, Nor Azizan Idris, & Zarina Othman. (2019). Penyeludupan Senjata Api Di Sempadan Malaysia- Thailand Dan Ancamannya Ke Atas Keselamatan Insan. *Jebat: Malaysian Journal Of History, Politics & Strategic Studies*, 46 (2),79-117.

- Ramli Dollah, Wan Shawaluddin Wan Hassan, Peters, Diana & Zaini Othman. (2016). Old Threats, New Approach and National Security in Malaysia: Issues and Challenges in Dealing With Cross-border Crime in East Coast of Sabah. *Mediterranean Journal of Social Sciences*. 7 (3S1). 10.5901/mjss.2016.v7n3s1p178.
- Syaimak Ismail, Mohamad Saupi Ismail, Muhammad Saiful Islam Ismail & Aemy Aziz. (2021). Biodiversiti Dan Pemuliharaan Terumbu Karang Di Tiga Buah Pulau, Melaka. *Malim: Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 22,180–197.
- European Union. (2016). *Policy Department for Structural and Cohesion Policies*. Publications Office of the European Union.
- Wen, C.L., Kuperan Viswanathan, K., Kamri, T., & Siew, K.T. (2020). Status of Sarawak fisheries: Challenges and way forward. *International Journal of Service Management and Sustainability*, 5 (2), 187-200.